

16/10/1997

Pas ulangi sokong PM

KOTA BHARU, Rabu -Pas mengulangi pendirian memuji ketegasan pucuk pimpinan negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis penurunan nilai mata wang yang melanda negara.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, meminta semua pihak tanpa mengira fahaman politik turut berganding bahu dan bekerjasama membantu usaha kerajaan ke arah itu.

Beliau menegaskan, sikap Pas yang memuji kepemimpinan Kerajaan Pusat tidak merugikan parti itu termasuk sokongan rakyat terhadap perjuangannya.

"Apabila kita tengok negara kelam kabut (akibat gejala itu) sebagai orang Islam, kita tidak boleh gawatkan keadaan. Dari segi rasional, kita mesti bersatu asalkan tidak bercanggah dengan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, Pas tetap dengan pendiriannya tidak mahu Perdana Menteri meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang itu.

"Dari segi letak jawatan saya kata jangan...dari segi boros dan pembaziran kita mesti tentang," katanya.

Beliau berkata, tindakan kerajaan negeri itu tidak merugikan politik Pas kerana ia juga adalah suatu bentuk tindakan 'politik'.

Menurutnya, sebagai ahli politik, seseorang tidak boleh menentang orang lain atas dasar mereka parti pembangkang.

"Kita tidak boleh hentam keromo begitu saja. Kita tidak tentang semua yang dilakukan oleh Pusat ... Itu tidak betul. Bukan Islam.

"Ketika saat negara dalam cemas, kita mesti bersatu. Jaga kerajaan, tetapi kesilapan yang dilakukan kita tegur," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin tindakannya itu tidak mengelirukan ahli Pas atau boleh merugikan parti itu.

(END)